

Noor Mohamad
Shakil Hameed

HARIAN METRO

Pupuk semangat cintakan produk tempatan

Sejak 1984 kerajaan sudah melancarkan Kempen Beli Barang Buatan Malaysia yang kemudian dijenamakan semula kepada Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM). Antara lain kempen ini bertujuan merangsang pertumbuhan ekonomi domestik melalui peningkatan pembelian barang tempatan, di samping dapat meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kualiti produk serta perkhidmatan buatan Malaysia yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Secara definisinya produk tempatan yang dikategorikan dalam kempen ini ialah produk yang dikilangkan di Malaysia dan mengandungi sekurang-kurangnya 51 peratus bahan atau kandungan tempatan, selain produk berkenaan membabitkan aktiviti proses pengilangan dan dikeluarkan oleh syarikat milik warganegara yang juga memiliki jenama itu.

Secara prinsipnya kejayaan atau kegagalan kempen ini bergantung sepenuhnya kepada setiap anggota masyarakat kita kerana dalam konteks ini kitalah pengeluar dan kitalah juga pembelinya. Tatkala sekelompok anggota masyarakat bertindak sebagai pengeluar produk, sebahagian besar yang lain pula perlu memainkan peranan sebagai pembeli produk dan perkhidmatan terbabit. Walaupun prosesnya kelihatan mudah tetapi cabarannya sangat besar. Hal ini kerana persaingan daripada pelbagai produk luar negara yang lazimnya digambarkan sebagai berjenama dan berkualiti sering menjadi pilihan utama rakyat kita walaupun harganya jauh lebih mahal daripada produk tempatan.

Jadi tidak mudah untuk kita menjayakan kempen ini, ia memerlukan tahap kesedaran yang cukup tinggi dalam kalangan rakyat terutama daripada segi perubahan mentaliti, sikap, gaya hidup dan corak pembelian. Muah tidak mahu kita perlu akui mentaliti sebahagian besar rakyat berkaitan persepsi negatif dan rasa curiga terhadap kualiti produk keluaran tempatan masih menebal. Rakyat kita masih tidak begitu yakin produk tempatan dapat menggantikan produk berjenama dari luar negara yang digunakan selama ini. Sikap dingin terhadap produk tempatan seperti ini amat mengecewakan dan ia perlu diubah dan diperbetulkan dengan segera. Yakinlan sudah ada banyak produk tempatan yang bukan saja murah, malah jauh lebih baik kualitinya berbanding barang yang diimport. Jangan kita terlalu mudah terpedaya dan terpengaruh dengan gaya pengiklanan yang ditonjolkan oleh mereka sehingga kita pinggirkan

produk tempatan. Ingat, itu adalah taktik pemasaran mereka semata-mata.

Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu serta peningkatan kos sara hidup yang mendadak, sudah tiba masanya untuk rakyat kita mengubah gaya hidup. Buanglah jauh-jauh gaya hidup mewah dengan produk berjenama. Sudah tidak sesuai dan berbaloi lagi untuk meneruskan gaya hidup umpama 'biar papa asal bergaya', sebaliknya perlu sentiasa 'ukur baju di badan sendiri'. Jadilah pengguna yang bijak dengan menjadikan produk tempatan bukan lagi sebagai pembelian alternatif bila terdesak tetapi sebagai pembelian pilihan utama.

Dalam konteks ini eloklah kita perhalusi sedikit sebanyak kebaikan dan kelebihan membeli produk tempatan. Antara kebaikan langsung kepada pengguna ialah kita dapat menjimatkan perbelanjaan harian. Harga produk tempatan jauh lebih murah daripada barang import, justeru dengan amalan membeli barang tempatan sepanjang masa kita dapat menjimatkan perbelanjaan dan boleh digunakan lebih banyak wang tersebut untuk tujuan perbelanjaan lain termasuk untuk tujuan penabungan.

Pembelian produk tempatan juga secara tidak langsung dapat

menjana lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Hal ini akan berlaku apabila ada peningkatan dalam corak pembelian produk tempatan yang akan mencetuskan pertumbuhan lebih banyak industri tempatan termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Ini sekali gus akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan membantu mengurangkan kadar pengangguran di samping membantu meningkatkan ekonomi dan taraf hidup tempatan.

Pada masa sama, kita juga dapat membantu mengurangkan pengaliran keluar mata wang negara apabila lebih banyak membeli produk tempatan. Ini bukan saja mencetuskan pertumbuhan ekonomi domestik tetapi turut membolehkan pihak kerajaan menyediakan lebih banyak infrastruktur dan prasarana untuk kemudahan rakyat secara keseluruhan. Malah kita yakin imej negara juga dapat terus dipertingkatkan, ini akan berlaku apabila kualiti produk tempatan terus meningkat dan mencapai standard antarabangsa. Apabila rakyat semakin ghairah membeli produk tempatan kita yakin pengeluar akan lebih bermotivasi dan akan berusaha untuk terus meningkatkan kualiti produk,

dengan ini produk tersebut bukan saja dapat dijual kepada pelancong yang datang ke negara dengan bangganya, tetapi turut boleh dieksport ke pasaran luar negara.

Apa yang kita harapkan rakyat akan bertindak dengan bijak, lihatlah kempen ini melangkaui sekadar membeli produk semata-mata sebaliknya ia adalah satu tindakan patriotik dan sayangkan negara. Ringkasnya kita perlu pupuk semangat sayang dan cintakan negara melalui tindakan membeli produk keluaran tempatan. Ingatlah semangat patriotisme tidak sekadar mengibarkan Jalur Gemilang ketika sambutan Hari Kebangsaan ataupun menyanyikan lagu Negaraku semata-mata. Pembelian barang tempatan serta sokongan kepada industri dan pengusaha tempatan juga satu tindakan menzahirkan semangat cintakan negara yang sangat terpuji. Malah melalui tindakan ini lebih mudah untuk kita menzahirkan semangat patriotisme secara harian dan berterusan berbanding mengibarkan Jalur Gemilang kerana pembelian barang berlaku setiap hari tetapi kita mengibarkan Jalur Gemilang setahun beberapa kali saja.

Pada masa sama kita juga berharap semua pengusaha

tempatan akan terus berusaha meningkatkan kualiti produk yang dihasilkan. Ingat hari ini kita berakap mengenai letusan teknologi maklumat, Revolusi Industri 4.0 serta pembuatan pintar (AI), jadi di mana kedudukan produk kita dalam perkembangan terkini ini? Fikirlah di luar kotak dengan segera mengubah mentaliti dan model perniagaan yang sedia ada supaya produk kita terus relevan dan mampu bersaing dengan produk luar. Untuk itu, pengusaha tempatan perlu memberi penekanan dalam aspek seperti kaedah promosi yang lebih menarik, penetapan harga yang kompetitif serta peningkatan kualiti produk dari segi rasa, daya ketahanan, keunikan, pembungkusan dan juga penjenamaan supaya dapat menarik perhatian dan minat pengguna.

Jadi, ayuh marilah kita ubah tabiat pembelian dengan menyokong penuh dan berbangga dengan produk keluaran tempatan. Jadilah pengguna yang bijak dan terus menzahirkan semangat cintakan negara melalui pembelian produk tempatan.

**Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kefuruteraan
Universiti Putra Malaysia**